

**KUALA LUMPUR 28 April** - Kira-kira 15 syarikat tempatan akan menyertai Dialog Forum Malaysia-Eropah (MEF) - Vienna 2011 dalam sektor teknologi dan perniagaan hijau.

Penasihat MEF dan Ahli Pemegang Amanahnya, Tan Sri Rafidah Aziz berkata, dialog yang diadakan dengan kerjasama Dewan Ekonomi Persekutuan Austria turut membabitkan mesyuarat perniagaan antara syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat Malaysia.

"Tujuan mesyuarat itu adalah membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia meneroka bidang-bidang perniagaan baharu terutama dalam teknologi hijau," katanya pada taklimat media mengenai Dialog MEF-Vienna 2011 di sini hari ini. Turut hadir sama Pengerusi MEF, Tan Sri Munir Majid.

Rafidah berkata, secara tradisinya MEF akan menganjurkan dialog setiap tahun pada musim bunga di Eropah dan pada tahun ini mereka memilih Vienna, Austria.

"Ia akan diadakan pada 9 Mei ini dengan tema Malaysia: Hab Ekonomi Hijau di ASEAN. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui akan terlibat dalam perbincangan terbuka dengan peserta dialog.

"Selain itu, ia turut melibatkan GreenTech Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Koridor Tenaga Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan Pusat Perantara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)," jelasnya.

Dialog ini merupakan usaha berterusan MEF dalam membantu kerajaan menarik minat para pelabur asing datang ke Malaysia.

Rafidah berkata, adalah menjadi satu keperluan untuk mengadakan dialog secara berterusan serta perjumpaan mata ke mata di setiap peringkat.

"Kekerapan berjumpa dengan para pemegang kepentingan di Eropah, akan membantu menjelaskan pelbagai isu berkaitan," kata jelas beliau.

Sementara itu, mulai tahun ini, MEF menganjurkan program latihan antara kakitangan syarikat-syarikat Eropah dan syarikat-syarikat di Malaysia untuk tempoh sehingga enam bulan.

"MEF akan memilih mereka yang layak dan dihantar ke syarikat-syarikat tempatan dalam usaha untuk lebih mengenali cara bekerja di Malaysia.

"Program yang akan bermula Jun ini melibatkan beberapa syarikat terkenal seperti Berjaya Group, Sime Darby Bhd., Silver Bird Group dan beberapa syarikat terkenal lain.

"Selepas ini, kami turut akan menggalakkan kakitangan Malaysia untuk menyertai program tersebut termasuk menghantarnya ke Eropah," katanya.